

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN
GHAZALI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

RUJUKAN : 9968

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar dadah adalah musuh negara yang kalau dibiarkan berleluasa akan merosakkan masa depan rakyat. Apakah perkembangan dan hasil terkini usaha-usaha Kerajaan dalam memerangi dadah daripada aspek jenis dadah utama dan terbaru, kumpulan umur terlibat dan bangsa serta apakah langkah-langkah baru atau pelan yang akan Kerajaan ambil untuk menangani isu-isu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius permasalahan dadah menerusi usaha-usaha pembanterasan secara berterusan. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 2017 telah meluluskan Dasar Dadah Negara sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaratan.

Trend penagihan dadah pada tahun 2016 melibatkan dadah jenis opiat, *Amphetamine Type Stimulant* (ATS) dan ganja. Rekod Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendapati bahawa kebanyakan penagih yang dikesan berumur dalam lingkungan 20 hingga 39 tahun.

AADK telah melaksanakan Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melibatkan aktiviti:

- a) *Omnipresence*
- b) Ops Cegah
- c) Ops Bersepadu / Sarang
- d) Media

- e) Ikon Antidadah
- f) *Community Empowerment*

PDH menggunakan pendekatan melalui agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah. Pendekatan ini dilaksanakan melalui 3 strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan dadah.

AADK melaksanakan aktiviti ini secara berfokus dengan mensasarkan sebanyak 178 buah kawasan berisiko tinggi dan sebagai langkah awal pada tahun 2016, sebanyak 14 buah kawasan iaitu sebuah kawasan bagi setiap negeri telah dilaksanakan secara bersepadu dengan beberapa agensi / Kementerian lain. Bagi tahun 2017, sebanyak 50 buah kawasan lagi telah diperluaskan bagi aktiviti ini.

Pada masa yang sama, aktiviti lain seperti program-program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dijalankan dengan lebih meluas seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui usahasama atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain.

Dari segi penguatkuasaan pula, AADK mempunyai objektif utama dalam memperkasakan penguatkuasaan terhadap permasalahan dadah di seluruh negara berdasarkan strategi dan objektif seperti berikut:

- a) mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela;
- b) mengesan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang tidak mematuhi syarat pengawasan di bawah seksyen 6(2) (a)-(f) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 serta mengurus, menyelia dan melaksanakan program OKP dengan lebih berkesan;
- c) mengambil tindakan ke atas aduan awam yang berkaitan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah; dan
- d) meningkatkan tahap keselamatan di institusi dan komuniti.

NO. SOALAN: 62.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

SOALAN:

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan apakah kayu ukur masalah dan keperluan bagi
Kerajaan untuk mengutip Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)
sepertimana disebutkan dalam Kenyataan Media Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 30 April 2017.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal
Ugama Islam Malaysia kali ke-106 pada 21-22 Oktober 2014 telah pun
bersetuju memutuskan pandangan hukum bahawa Islam mengharuskan
pemerintah atau Ulil Amri untuk mengutip cukai seperti Cukai Barangan

Dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan oleh kerajaan selagi mana terdapat keperluan dan masalah untuk negara dan rakyat.

Dari sudut keharusan yang dibenarkan oleh syarak, Jawatankuasa berhujjah bahawa keharusan memungut GST adalah berdasarkan pertimbangan masalah. Sebagaimana yang didefinisikan oleh Imam alGhazali bahawa masalah adalah suatu gambaran daripada meraih menafaat atau menghindarkan mudarat, iaitu ke arah memelihara tujuan Syarak (Maqasid Syariah) yang meliputi lima perkara, iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Dalam hal ini beliau berkata "Semua yang mengandungi pemeliharaan tujuan syarak yang lima ini adalah al-Maslahah."

Bagi memenuhi tuntutan memelihara agama, Kerajaan perlu mengendalikan pelbagai aspek pengurusanyang berkaitan dengan pembinaan serta pengurusan institusi-institusi pendidikan, institusi agama, membenters penyelewengan agama dan ajaran salah serta mewujudkan atau meminda undang-undang agar perjalanan agama dapat dikawal. Manakala bagi tujuan penjagaan nyawa dan harta pula, antara yang perlu diberi perhatian ialah pembinaan serta meningkatkan infrastuktur-awam seperti hospital, jalanraya, kemudahan pengangkutan awam, memantapkan pertahanan dan keselamatan negara sertamembenters golongan pelampau yang boleh mengancam keselamatan negara. Bagi memenuhi tuntutan memelihara akal dan keturunan, Kerajaan perlu menyediakan program-program bagi melahirkan masyarakat yang berjiwa sejahtera selain dari memulihkan mereka yang telah rosak akal fikiran.

Kesemua tersebut adalah merupakan masalah, keperluan dan tanggungjawab bagi membangun ummah dan negara. Jika masalah umum tersebut tidak boleh terus terlaksana melainkan dengan cara mengutip cukai daripada rakyat, maka kutipan cukai itu boleh diterima sebagai satu kewajipan.

Oleh yang demikian, berdasarkan keharusan yang dibenarkan oleh Syarak serta bertujuan memelihara Maqasid Syariah maka GST diperkenalkan. Ini disebabkan Kerajaan memerlukan sumber pendapatan lain termasuklah cukai-cukai yang perlu bagi memenuhi keperluan perbelanjaan serta menjalankan tadbir urus negara dengan cekap dan sempurna.

Sekian, terima kasih.